



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	17/12/2018

WAKIL RAKYAT UMNO KELUAR PARTI

'Ada pihak lagakan saya, Tun'

BH - 17/12/2018 m/s: 6

➔ Anwar tetap sokong kepemimpinan, usaha PM jayakan agensi reformasi

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim, Petah Wazzan Iskandar, Tuty Haryanti Ahmad Rodzi dan Luqman Arif Abdul Karim
cnews@nstp.com.my

■ Kuala Lumpur

Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim mendakwa ada pihak tertentu cuba menimbulkan prasangka dan melaga-lagakan beliau dengan Tun Dr Mahathir Mohamad susulan tindakan beberapa ahli Parlimen parti meninggalkan UMNO, baru-baru ini.

Malah, Anwar menyifatkan perbuatan itu sebagai usaha merenggangkan hubungannya dengan Perdana Menteri yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU).

"Ada yang cuba menimbulkan syak wasangka antara saya dan Dr Mahathir, dengan matlamat mahu menggugat kehar-

monian hubungan baik kami.

"Saya akan terus menyokong usaha dan kepemimpinan Dr Mahathir. Saya komited untuk terus bekerja rapat bersama beliau bagi menjayakan agenda reformasi yang dipersetujui bersama.

"Pakatan Harapan (PH) sudah diberi mandat untuk memacu perubahan ke arah pentadbiran kerajaan yang menentang rasuah dan sentimen perkauman sempit," katanya dalam kenyataan media menerusi akaun Twitter rasminya, malam tadi.

Bangunkan ekonomi

Anwar berkata, tumpuan kini terarah terhadap usaha membangunkan ekonomi dan meringankan beban rakyat, terutama dalam kalangan golongan berpendapatan rendah.

Di Pokok Sena, semua parti komponen dalam Pakatan Harapan (PH) perlu cermat ketika menerima kemasukan bekas Ahli Parlimen UMNO bagi memastikan 'kemarahan rakyat' tidak berpindah kepada kerajaan.

Setiasaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata kemasukan bekas Ahli Parlimen UMNO itu boleh memberi kesan positif atau negatif, namun ia sama sekali tidak menjejaskan kerjasama dalam PH.

"Tindakan menerima seseo-



Anwar Ibrahim

rang pemimpin lawan ataupun Ahli Parlimen tertentu ke dalam PH boleh mengundang kemarahan rakyat, maka ia perlu dinilai sebaik mungkin.

"Bagaimanapun, setahu saya kebanyakan mereka (Ahli Parlimen) yang baru mengumumkan keluar UMNO, masih belum diterima ke dalam mana-mana parti dalam PH kerana kita mempunyai garis panduan ditetapkan Majlis Presiden PH," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas program jualan rakyat Parlimen Pokok Sena, semalam.

Naib Presiden PKR, Nurul Izzah Anwar, berkata kemasukan bekas pemimpin UMNO dalam PH disifatkan sebagai pengkhianatan terhadap mandat yang diberikan rakyat kepada gabungan itu.

Beliau berkata, tindakan menerima wakil rakyat parti lawan

itu ibarat menghina ahli dan penyokong yang selama ini setia terhadap perjuangan mereka.

"Pengkhianatan terhadap mandat yang diberikan pada 9 Mei lalu adalah penghinaan kepada mereka yang setia terhadap perjuangan.

"Parti kami juga pernah berdepan situasi tidak menentu akibat pengkhianatan, sudah tentu tidak sesekali mahu kesakitan itu berulang sekali lagi untuk pihak lain," katanya.

DAP enggan bekerjasama

Sementara itu, BERNAMA melaporkan, Timbalan Pengerusi DAP, Gobind Singh Deo sebagai berkata, parti itu membuat keputusan muktamad tidak bekerjasama dengan UMNO.

Beliau berkata ketika Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14), rakyat sendiri menolak parti itu dengan hasrat untuk membina Malaysia Baharu.

"Mereka (UMNO) sudah pun menentang kami habis-habisan dalam PRU-14. Kami sudah meminta rakyat menolak mereka dan rakyat sudah pun menolak mereka dengan hasrat membina Malaysia Baru.

"DAP tidak akan bekerjasama dengan UMNO. Muktamad. Kami tidak seharusnya bekerjasama dengan mereka," katanya dalam catatan di Facebook beliau, semalam.